# UMS-DBKK Bakal Berentap dalam Lima Jenis Sukan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 24 Januari 2018 16:25 | Cetak | Jumlah paparan: 304

Kongsi 0 Syorkan 0 Kongsi Tweet Share




**RABU, 24 JANUARI** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bakal berentap dalam lima jenis sukan pada satu kejohanan yang akan berlangsung pada tahun ini.

Perkara itu diumumkan Ketua Pengarah DBKK, Datuk Joannes Solidau selepas perbincangan ringkas bersama pihak UMS yang melibatkan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin semalam.

Menurut Datuk Joannes, lima jenis sukan itu ialah bola sepak, futsal, badminton, golf dan boling.

Katanya, ia sebagai aktiviti pertama bagi menyemarakkan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dan DBKK sekali gus merapatkan lagi hubungan silaturahim yang sedia terjalin.

“Tarikh, masa dan tempat kita akan tentukan selepas perbincangan lanjut, namun yang pasti kita akan anjurkan dalam tempoh terdekat,” ujarnya.